Pendakwa Raya lwn Kelvyn a/l John

MAHKAMAH TINGGI (MELAKA) — KES NO MT2–45–2 TAHUN 2005
ABU SAMAH H
30 JANUARY 2009

Undang-Undang Jenayah — Kanun Keseksaan — s 302 — Elemen-elemen penting — Sama ada actus reus dan mens rea dibuktikan — Keterangan ikut keadaan — Sama ada menunjukkan kesalahan tertuduh dan bukan orang lain — Sama ada pembelaan berjaya menimbulkan keraguan munasabah atas kes pendakwaan — Sama ada wujud elemen provokasi

Tertuduh, seorang warganegara Singapura, telah dituduh melakukan kesalahan membunuh Lin Fang Chu ('si mati'), seorang suri rumah warganegara Taiwan. Tertuduh ialah jiran kepada si mati dan tinggal di Kondominium Golden Coast, Melaka. Pada masa kejadian hanya si mati dan seorang anak perempuannya, SP25, berumur 16 tahun, berada di kondominium tersebut. Semasa kejadian SP25, yang sedang tidur di bilik atas, terjaga dari tidurnya apabila ia terdengar jeritan ibunya. Di dapur, SP25 nampak tertuduh sedang berdiri dengan kedua-dua tangannya memegang pisau manakala ibunya sedang terbaring di atas lantai berlumuran dengan darah. Tertuduh memaksa SP25 mengikat kedua-dua tangan ibunya dengan jaket yang diambil oleh tertuduh dari bilik stor. Tertuduh kemudian telah mengikat sendiri kedua-dua tangan si mati dengan lebih ketat. Tertuduh kemudian telah menarik SP25 naik ke tingkat atas. Di tingkat atas, SP25 telah menyerahkan kepada tertuduh wang RM500 dan telefon bimbitnya jenama Nokia dan Motorola. Tertuduh kemudian telah menetak kepala SP25 dengan pisau beberapa kali sebelum mengikat kedua-dua kaki dan tangannya dengan tali kasut. Sebelum keluar dari rumah tersebut tertuduh telah mengunci gril rumah si mati dengan kunci yang diambilnya dari atas meja di ruang tetamu. Mengikut laporan bedah siasat yang dilakukan oleh pakar forensik, SP12, terdapat 18 jenis luka pada badan si mati. Pada pendapat SP12, sebab kematian si mati ialah 'multiple incised and stab wounds'. Keterangan pendakwaan menunjukkan bahawa pada hari yang sama, tertuduh telah mendapatkan rawatan di sebuah klinik di Yong Peng, Johor kerana luka di tangannya. Mengikut doktor yang merawatnya, iaitu SP13, tertuduh memberitahunya bahawa ia telah diserang semasa satu rompakan di Pagoh. Dari Yong Peng tertuduh telah pergi ke Johor Bahru di mana tertuduh telah menukar wang Taiwan sebanyak 9,200 kepada Ringgit Malaysia di kedai pengurup wang. Semasa di hotel, tertuduh telah mendapat panggilan daripada isterinya di Singapura memberitahunya bahawa ia telah melahirkan seorang bayi perempuan. Apabila ditanya oleh isterinya kenapa ia tidak datang melihatnya,

tertuduh menjawab bahawa ia ada masalah dan sedang berada di Kuala Lumpur. Tertuduh telah ditahan polis di Hotel Puteri Pan Pacific, Johor Bahru. Sementara itu pegawai penyiasat ('IO') telah pergi ke rumah si mati dan telah menjumpai tujuh bilah pisau, iaitu P45A, P47A, P48A, P49A, P50A dan P86C (tanpa hulu) dan satu hulu pisau (P86E). Satu lagi pisau, P18, dijumpai oleh SP21 di rumah tertuduh. Daripada tujuh pisau tersebut, lima daripadanya, iaitu, P47A, P48A, P49A, P50A dan P86E telah disahkan oleh ahli kimia terdapat kesan darah si mati. IO juga telah pergi ke kondominium tertuduh dan mengambil kesan darah yang ditemui pada pintu gril rumah tertuduh, pada lantai di pintu hadapan/pintu masuk rumah tertuduh, pada lantai ruang tamu dan pada lantai bilik mandi. Ia juga mengambil pisau tanpa hulu, satu helai baju kemeja, sehelai tuala mandi dan sehelai seluar jean yang kesemuanya ada kesan darah dari rumah tertuduh. Keputusan analisa profil DNA ke atas barang-barang kes termasuk yang ada profil DNA spesimen darah si mati, tertuduh dan SP25 juga boleh dilihat dalam laporan kimia. Di akhir kes pendakwaan, mahkamah mendapati bahawa pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes prima facie terhadap tertuduh dan memerintahkannya untuk membela diri. Tertuduh di dalam pembelaannya menyatakan yang dia telah pergi ke rumah si mati dengan membawa baldi untuk mengambil air kerana bekalan air di rumahnya adalah terlalu sedikit dan perlahan. Si mati telah membenarkannya masuk untuk mengambil air di dapur. Tetapi oleh sebab bekalan air di rumah si mati juga perlahan, tertuduh telah menunggu di ruang tamu sambil melihat gambar-gambar di dalam album yang terletak di atas meja di ruang tamu. Si mati menuduhnya mencuri sesuatu dan mengarahkan keluar dari rumah tersebut. Mengikut tertuduh si mati telah mengayunkan sebilah pisau ke arahnya dan mencederakan tangan kanannya. Tertuduh kemudian telah merampas pisau tersebut daripada si mati. Dalam keadaan panik, ia telah bergelut dengan si mati yang nampaknya terlalu marah. Mengikut tertuduh, di dalam pergelutan itu si mati mengalami luka dan jatuh ke lantai.

Diputuskan, mensabitkan tertuduh dan mengenakan hukuman gantung sehingga mati:

(1) Mahkamah mendapati ada bukti yang jelas berdasarkan kepada keterangan SP25, barang-barang kes yang dijumpai di rumah si mati dan yang dijumpai di rumah tertuduh, keterangan ahli kimia dan keterangan doktor bahawa tertuduh adalah orang yang menyebabkan kematian si mati. Kecederaan-kecederaan pada badan si mati, mengikut keterangan pakar yang menjalankan bedah siasat dan mengikut laporan bedah siasat adalah konsisten dengan kecederaan yang diakibatkan oleh senjata tajam (lihat perenggan 35).

(2) Walaupun tidak ada saksi yang melihat tertuduh menikam si mati dengan mana-mana pisau tersebut, kesan kumulatif daripada keterangan di dalam kes ini menunjukkan bahawa tidak ada orang lain atau pihak

ketiga yang menyebabkan kematian si mati. Pada masa SP25 menemui ibunya terbaring di atas lantai di dapur tertuduh masih ada di tempat itu dengan kedua-dua tangannya memegang pisau. Tertuduh tidak melarikan diri. Sebaliknya, ia mengarahkan SP25 mengikat tangan ibunya dan telah mengikat semula kedua-dua tangan si mati apabila SP25 tidak mengikat tangan ibunya dengan ketat. Mahkamah mendapati tidak ada sebarang keterangan bahawa ada pihak ketiga yang terlibat dalam kes pembunuhan ini (lihat perenggan 36).

(3) Mengenai niat tertuduh, ini boleh dan telah dibuktikan oleh pihak pendakwaan melalui luka-luka tikaman yang begitu banyak pada badan si mati. Profil DNA kesan-kesan darah si mati juga telah dijumpai pada pisau-pisau bertanda eksh P48A, P49A dan P50A yang dijumpai di dapur. Ini adalah bukti jelas bahawa pisau-pisau tersebut telah digunakan bagi menikam si mati semasa di dapur. Pisau bertanda eksh P86C dan hulu pisau P86E dijumpai di rumah tertuduh. Apa yang dilakukan oleh tertuduh adalah jelas mencerminkan bahawa tertuduh mempunyai niat atau mens rea untuk menyebabkan kecederaan kepada tubuh badan si mati yang ia mengetahui berkemungkinan menyebabkan kematian si mati atau menyebabkan kecederaan pada tubuh badan si mati yang mana kecederaan tersebut adalah mencukupi, pada lazimnya, bagi menyebabkan kematian si mati (lihat perenggan 39 & 45).

(4) Cerita tertuduh bahawa si mati dengan tiba-tiba turun dari tingkat atas sambil menjerit menuduh tertuduh mengambil barangnya, mengarahkannya keluar rumah dan mengayunkan pisau ke arah tertuduh adalah rekaan semata-mata. Adalah tidak munasabah si mati bertindak sedemikian sedangkan tertuduh masuk ke rumah itu dengan kebenarannya. Jika sekalipun diandaikan cerita tertuduh itu berkemungkinan betul, provokasi tersebut telah berakhir apabila tertuduh berjaya merampas pisau daripada tangan si mati (lihat perenggan 66).

(5) Berdasarkan kepada keterangan pendakwaan di dalam kes ini, termasuk keterangan SP25, doktor, ahli kimia, pegawai penyiasat dan ekshibit-ekshibit, tidak ada orang lain yang telah menyebabkan kecederaan-kecederaan kepada si mati sehingga membawa kepada kematiannya, selain daripada tertuduh. Tertuduh sendiri tidak menafikan ia pergi ke rumah si mati, mengikut si mati ke dapur, bergelut dengannya dengan menggunakan beberapa bilah pisau dan akhirnya mengunci pintu gril rumah si mati sebelum ia balik ke rumahnya. Identiti tertuduh tidak pernah dipertikaikan oleh pembelaan. Tidak ada keterangan bahawa kematian si mati disebabkan oleh mana-mana pihak lain (lihat perenggan 69).

[English summary

The accused, a Singaporean, was accused for an offence of murder of Lin Fang Chu ('the deceased') a Taiwanese housewife. The accused was the neighbour of the deceased and lived in the Golden Coast Condominium, Malacca. During the incident, only the deceased and her daughter, SP25, 16 years old, were in the condominium. At the time of the incident, SP25 who was sleeping in the bedroom upstairs was awakened by her mother's scream. In the kitchen, SP25 saw the accused was standing holding a knife with both hands whilst her mother was lying down on the floor in a pool of blood. The accused forced SP25 to tie both her mother's hands with a jacked taken by the accused from the store room. The accused thereafter had himself tied both the hands of the deceased tighter. The accused then, pulled SP25 upstairs. There SP25 had given to the accused RM500 and her hand phone of Nokia and Motorola brands. The accused thereafter had hacked SP25's head with a knife several times before tying both her legs and hands with a shoe lace. Before going out of the house the accused had locked the grille of the house of the deceased with the keys obtained from the table at the hall. According to the post mortem report by the forensic expert, SP12, there were 18 types of injuries on the body of the deceased. In SP12's view, the cause of the death of the deceased was 'multiple incised and stab wounds'. The prosecution's evidence showed that on the same day, the accused had sought treatment in a clinic at Yong Peng, Johor for the injuries on his hands. According to the doctor who had treated him, SP13, the accused told him that he was attacked during a robbery in Pagoh. From Yong Peng, the accused had gone to Johor Bahru where the accused had changed Taiwanese currency worth 9,200 to Malaysian Ringgit from a money changer. While in the hotel, the accused received a call from his wife in Singapore telling him that she had delivered a baby girl. When asked by the wife why he had not visited her, the accused replied that he had a problem an was in Kuala Lumpur. The accused was arrested by the police at the Puteri Pan Pacific Hotel, Johor Bahru. Meanwhile, the investigating officer ('the IO'), had gone to the house of the deceased and found seven knives, ie P45A, P47A, P48A, P49A, P50A and P86C (without the handle) and one knife handle (P86E). Another knife, P18, was found by SP21 in the house of the accused. From the seven knives, five of them, ie P47A, P48A, P49A, P50A and P86E were confirmed by the chemist to have the blood stain if the deceased. The IO had also gone to the condominium of the accused and had taken the blood stain sample found at the grille of the house of the accused, on the floor at the entrance of the house of the accused, on the floor at the hall and on the bathroom floor. He also recovered a knife without the handle, a shirt, a bath towel and a jeans all of which with blood stains from the house of the accused. The result of the DNA profile analysis to the case materials including the DNA profile specimen of the deceased, the accused and SP25 could be seen in the chemist report (exh 112). At the end of the prosecution's case, the court found the prosecution had successfully established a prima facie case against the accused and ordered him

to enter his defence. The accused in his defence stated that he had gone to the house of the accused with a pail to take some water as the water supply in his house was very little and slow. The deceased let him in to take the water in the kitchen. However, as the water supply in the house of the deceased was also slow, the accused had gone to wait at the hall while looking at the photographs in the album on the table at the hall. The deceased accused him of stealing something and asked him to leave the house. According to the accused the deceased swung a knife towards him injuring his right hand. The accused then confiscated the knife from the deceased. In a panic situation, he had put up a struggle with the deceased who seemed to be very angry. According to the accused, in the course of the struggle, the deceased suffered injuries and fell on the floor.

Held, convicting the accused and sentencing him to death:

(1) The court found clear evidence based on the testimony of SP25, case materials found in the houses of the deceased and the accused, the testimony of the chemist and the doctor that the accused was the person who had caused the death of the deceased. The injuries on the body of the deceased, according to the expert evidence who had conducted the post mortem and according to the post mortem report were consistent with the injuries caused by a sharp weapon (see para 35).

(2) Although there was no witness who had seen the accused stabbing the deceased with any of the knives, the cumulative effect of the evidence in this case showed that there was no other person or third party that could have caused the death of the deceased. When SP25 found her mother lying on the floor in the kitchen the accused was still there with both hands holding a knife. The accused did not run away. Instead, he instructed SP25 to tie her mother's hands and had tied again the hands of the deceased when SP25 did not tie her mother's hands tightly. The court found there was no evidence that a third party was involved in this murder case (see para 36).

(3) With regards to the intention of the accused, this could be and had been proved by the prosecution via the multiple stab wounds on the body of the deceased. The DNA profile of the blood stain of the deceased had been found on the knives marked as exhs P48A, P49A and P50A found in the kitchen. This was clear evidence that the knives had been used to stab the deceased while in the kitchen. The knife marked as exh P86C and knife handle P86E found in the house of the accused. What was done by the accused clearly reflected that he had the intention or mens rea to cause injuries to the body of the deceased which he had known would probably cause her death or cause injuries to the body of the deceased which was sufficient, ordinarily, to cause the death of the deceased (see paras 39 & 45).

(4) The story by the accused that the deceased had suddenly came down from upstairs shouting and accusing him to have taken her belongings, instructing him to go out of the house and swung a knife towards the accused was merely made out. It was not reasonable for the accused to act in that way when the accused entered her house with her permission. Even if the story by the accused was probably right, the provocation had ended once the accused confiscated the knife from the deceased (see para 66).

(5) Based on the prosecution's evidence in this case, including the testimonies by SP25, the doctor, the chemist, the investigation officer and the exhibits, there was no other person who had caused the injuries to the deceased to the extent of causing her death, other than the accused. The accused himself did not deny that he had gone to the house of the deceased, followed the deceased to the kitchen, put up a struggle with her using a few knives and finally locked the grille of the house of the deceased before returning home. The identity of the accused had never been disputed by the defence. There was no evidence that the death of the deceased had been caused by any other party (see para 69).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai s 302 Kanun Keseksaan, lihat 4 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2005 Reissue) perenggan 1520–1579.

Kes-kes yang dirujuk

Bala Anak Matik v PP [2006] 3 MLJ 516, MR (dirujuk)

Belhaven & Stenton Peerage (1875–1976) App Cas 278 (dirujuk)

Che Omar bin Mohd Akhir v PP [2007] 4 MLJ 309, MP (dirujuk)

Dato' Mokhtar bin Hashim & Anor v PP [1983] 2 MLJ 232; [1983] 2 CLJ 101, MP (dirujuk)

Idris v PP [1960] MLJ 296, MR (dirujuk)

Ikau Anak Mail v PP [1973] 2 MLJ 153, MP (dirujuk)

Lee Thian Beng v PP [1972] 1 MLJ 248, MP (dirujuk)

Mohamad Radzi bin Yaakob v PP [1991] 3 MLJ 169, MA (dirujuk)

PP v Dato' Balwant Singh (No 2) [2003] 3 MLJ 395, MT (dirujuk)

PP v Hanif Basree bin Abdul Rahman [2008] 3 MLJ 161; [2008] 4 CLJ 1, MP (dirujuk)

PP v Hanif Basree bin Abdul Rahman [2004] 3 CLJ 700, MT (dirujuk)

PP v Lee Poh Chye & Anor [1997] 4 MLJ 578, MT (dirujuk)

PP v Ngoi Ming Sean [1982] 1 MLJ 24, MT (dirujuk)

Wong Teck Choy v PP [2005] 4 MLJ 693, MR (dirujuk)

Ya bin Daud v PP [1997] 4 MLJ 322, MT (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Kanun Keseksaan s 300, 300(a), (b), (c), (d), Kecualian 1, 302, 304
Kanun Prosedur Jenayah s 277

Roslan bin Mat Nor (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak pendakwaan.
Markhan Singh (Markhan Singh & Associates) bagi pihak tertuduh.

Abu Samah H:

[1] Tertuduh telah dituduh melakukan kesalahan membunuh yang boleh dihukum di bawah s 302 Kanun Keseksaan ('KK') kerana menyebabkan kematian kepada Lin Fang Chu ('si mati') pada 19 Oktober 2004 di antara jam 8.30 pagi hingga 9.30 pagi di No 11-01, Blok Ambai, Kondominium Golden Coast, Klebang Besar, Melaka. Pertuduhan terhadapnya adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 19 Oktober, 2004 jam di antara 8.30 pagi dan 9.30 pagi di No. 11-01, Block Ambai Kondominium Golden Coast, Klebang Besar, Melaka dalam daerah Melaka Tengah, dalam Negeri Melaka telah melakukan kesalahan bunuh dengan menyebabkan kematian Lin Fang Chu (Pasport No.: 135003737) dan dengan demikian kamu telah melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

[2] Si mati ialah seorang suri rumah warganegara Taiwan berumur 42 tahun. Ia tinggal di kondominium tersebut bersama dengan suaminya dan tiga orang anaknya yang masih lagi bersekolah. Pada masa kejadian hanya si mati dan seorang anak perempuannya (SP25) berada di kondominium tersebut. Kondominium ini terdiri daripada dua tingkat. Di tingkat bawah ialah ruang tamu dan dapur. Di tingkat atas terdapat tiga bilik tidur.

[3] Tertuduh ialah seorang warganegara Singapura, jiran kepada si mati dan tinggal di No 11-05 Blok Ambai, Kondominium Golden Coast, Klebang Besar, Melaka. Daripada rajah kasar (eksh P125) kondominium si mati adalah bersebelahan dengan kondominium No 11-03 yang berhadapan dengan kondomonium si mati.

INTIPATI KESALAHAN BUNUH

[4] Seksyen 300 KK menyenaraikan keadaan-keadaan di mana sesuatu perbuatan itu merupakan kesalahan membunuh. Ia menyatakan seperti berikut:

300 Kecuali dalam hal-hal yang dikecualikan kemudian daripada ini, mematikan orang dengan salah ialah membunuh orang —

(a) jika perbuatan yang menyebabkan kematian itu dilakukan dengan niat hendak menyebabkan kematian;

(b) jika perbuatan itu dilakukan dengan niat hendak menyebabkan sesuatu bencana tubuh yang pensalah itu diketahui mungkin menyebabkan kematian orang yang dikenakan bencana itu;

(c) jika perbuatan itu dilakukan dengan niat hendak menyebabkan bencana tubuh kepada seseorang, dan bencana tubuh yang dimaksud hendak dikenakan itu adalah cukup, pada lazimnya, bagi menyebabkan kematian; atau

(d) jika orang yang melakukan perbuatan itu ketahui bahawa perbuatan itu adalah sebegitu sekali berbahaya hingga mungkin sekali menyebabkan kematian, atau sesuatu bencana tubuh yang mungkin menyebabkan kematian, dan ia melakukan perbuatan itu dengan tiada apa-apa sebab bagi mendatangkan bahaya menyebabkan kematian, atau bencana sebagaimana tersebut itu.

Hukuman bagi kesalahan di bawah s 302 KK ialah hukuman mati.

[5] Berdasarkan kepada pertuduhan terhadap tertuduh, pendakwaan hendaklah membuktikan bahawa:

(a) tertuduh adalah orang yang menyebabkan kematian si mati pada tarikh, waktu dan di tempat seperti yang dinyatakan di dalam pertuduhan;

(b) si mati telah dikenalpasti dan disahkan mati; dan

(c) tertuduh melakukan perbuatan tersebut sama ada dengan niat —

(i) hendak menyebabkan kematian si mati; atau

(ii) hendak menyebabkan suatu bencana tubuh yang beliau ketahui mungkin menyebabkan kematian si mati; atau

(iii) hendak menyebabkan bencana tubuh kepada si mati dan bencana tubuh tersebut adalah cukup, pada lazimnya, bagi menyebabkan kematian si mati; atau

(iv) tertuduh *mengetahui* bahawa perbuatannya itu adalah sebegitu sekali berbahaya bahawa perbuatannya, dalam sebarang kemungkinan mesti menyebabkan kematian; atau menyebabkan sesuatu bencana tubuh yang mungkin menyebabkan kematian *dan* ia melakukan perbuatannya itu tanpa sebarang alasan (excuse) bagi mendatangkan bahaya menyebabkan kematian si mati atau bencana sebagaimana yang tersebut sebelumnya.

[6] Di bawah s 300(a), (b) atau (c) KK pendakwaan hendaklah membuktikan bahawa tertuduh mempunyai niat atau mens rea menyebabkan kematian si mati. Manakala di bawah s 300(d) KK pendakwaan hendaklah membuktikan bahawa tertuduh mengetahui bahawa perbuatannya adalah sebegitu sekali berbahaya hingga mungkin sekali menyebabkan kematian, atau sesuatu bencana tubuh yang mungkin menyebabkan kematian, dan ia melakukannya tanpa sebarang dalih (excuse) bagi mendatangkan risiko yang menyebabkan kematian, atau bencana sebagaimana yang tersebut itu.

KETERANGAN KES PENDAKWAAN

[7] Pihak pendakwaan telah memanggil 29 orang saksi dan mengemukakan tidak kurang daripada 125 ekshibit, termasuk tujuh bilah pisau yang mana enam pisau mempunyai kesan darah. Pisau bertanda eksh P48A, P49A dan P50A yang dijumpai di dapur didapati mempunyai profil DNA darah si mati.

[8] Fakta kes pendakwaan adalah seperti berikut. Pada 19 Oktober 2004 jam lebih kurang 8.30 pagi, anak perempuan si mati bernama Lu Pei Ju ('SP25') yang sedang tidur di bilik atas terjaga dari tidurnya apabila ia terdengar bunyi orang berlari dan jeritan ibunya. Ia bangun dan turun ke tingkat bawah dengan membawa satu batang penyapu. Apabila ia sampai ke ruang tamu ia nampak darah di merata tempat. Ia kemudian pergi ke dapur. Di dapur ia nampak seorang laki-laki India sedang berdiri dengan kedua-dua tangannya memegang pisau manakala ibunya sedang terbaring di atas lantai berlumuran dengan darah. Ia cuba memukul laki-laki India tersebut tetapi tidak berjaya. SP25 telah mengecam laki-laki India tersebut sebagai tertuduh dan jirannya.

[9] Tertuduh kemudian telah menarik rambut SP25 dan memaksanya duduk mencangkung. Apabila SP25 tidak mengikut arahannya, tertuduh telah menghiris lehernya dengan pisau. Apabila SP25 jatuh ke lantai, tertuduh telah menghentak punggungnya dan menyuruhnya mengikat kedua-dua tangan ibunya dengan jeket yang diambil oleh tertuduh dari bilik stor. SP25 terpaksa mengikat kedua-dua tangan ibunya tetapi tidak cukup ketat. Tertuduh kemudian sendiri telah mengikat kedua-dua tangan si mati dengan lebih ketat.

[10] SP25 merayu kepada tertuduh supaya jangan membunuhnya dan ibunya sambil bertanya kepada tertuduh apa yang dia hendak. Tertuduh menjawab ia hendak wang. SP25 memberitahunya wang ada di tingkat atas. Tertuduh kemudian telah menarik SP25 naik ke tingkat atas dengan memegang rambutnya.

[11] Di tingkat atas, SP25 telah menyerahkan kepada tertuduh wang RM500 yang dikeluarkan daripada paket angpau tetapi tertuduh telah meminta lebih banyak lagi. SP25 terpaksa menyerahkan kepada tertuduh

telefon bimbitnya jenama Nokia. Tertuduh kemudian telah menyuruh SP25 baring di katilnya dan menetak kepalanya dengan pisau beberapa kali sebelum mengikat kedua-dua kaki dan tangannya dengan tali kasut. Selepas itu tertuduh telah mengambil satu lagi telefon bimbit SP25, jenama Motorola. Mengikut SP25 tertuduh kemudian telah pergi ke bilik lain dan ia mendengar bunyi seolah-olah tertuduh mencari barang sebelum ia jatuh pengsan.

[12] Pada jam lebih kurang 9 pagi, pada hari yang sama, tertuduh telah dilihat oleh pengawal keselamatan ('SP26') meninggalkan kondominium tersebut dengan membawa satu beg kecil. Sebelum itu, iaitu lebih kurang jam 7 pagi, SP26 telah menerima panggilan telefon daripada isteri tertuduh meminta tertuduh datang kerana isterinya hendak bersalin.

[13] Pada jam lebih kurang 10 pagi suami si mati ('SP5') menerima panggilan telefon daripada adik si mati memberitahunya bahawa ia telah pergi ke rumah si mati dan mendapati pintu rumah tertutup dan tidak ada sesiapa yang membuka pintu. SP5 kemudian menelefon rumahnya beberapa kali dan apabila panggilan telefonnya tidak dijawab, ia terus balik ke rumah.

[14] Selepas membuka mangga di pintu gril dengan kunci yang ada dengannya dan menolak pintu kayu yang tidak berkunci, SP5 melihat banyak darah di ruang tetamu dan di atas lantai manakala kerusi di ruang tetamu kelihatan terbalik.

[15] SP5 terus ke dapur dan mendapati isterinya dalam keadaan terbaring di atas lantai dengan badannya berlumuran darah dan penuh dengan luka-luka. Kedua-dua tangan isterinya diikat dengan baju. Ia cuba menggerakkan isterinya dengan menolak bahunya tetapi ia tidak lagi memberikan sebarang tindak balas.

[16] SP5 kemudian telah pergi ke bilik anaknya (SP25) di tingkat atas. Ia menemui anaknya terbaring di atas katil berlumuran dengan darah dengan kedua-dua tangan dan kakinya diikat dengan tali kasut. Pada masa itu anaknya sudah dalam keadaan tidak sedarkan diri.

[17] Pada jam lebih kurang 11.45 pagi hari yang sama, tertuduh telah mendapatkan rawatan di sebuah klinik di Yong Peng, Johor kerana luka di tangannya. Mengikut doktor yang merawatnya, iaitu SP13, tertuduh memberitahunya bahawa ia telah diserang semasa satu rompakan di Pagoh. SP13 telah menjahit luka di tangan tertuduh dan memberikan ubat *tablet* iaitu cephalaxin dan ponstan.

[18] Pada jam lebih kurang 3 petang hari yang sama, suami si mati telah pergi ke Hospital Melaka untuk mengecam mayat isterinya sebelum bedah siasat dijalankan.

[19] Bedah siasat ke atas mayat si mati telah dijalankan oleh seorang pakar forensik Hospital Melaka, iaitu SP12. Sebelum bedah siasat, mayat si mati telah dicamkan oleh suaminya (SP5) dan pegawai penyiasat (SP28). Mengikut pakar forensik (SP12) ia mendapati si mati mengalami 'luka tiris berganda di kepala, di lengan (kedua-dua lengan), di tangan, di bahagian atas dada dan di belakang'. Terdapat juga luka tikaman di bahagian leher. Butir-butir terperinci kecederaan yang dialami oleh si mati adalah seperti di dalam laporan bedah siasat (eksh P114).

[20] Mengikut laporan bedah siasat terdapat 18 jenis luka pada badan si mati.

[21] Mengikut SP12, kesemua luka-luka tersebut, kecuali luka No 1 dan 16, menyumbang kepada kehilangan darah si mati yang membawa kepada kematiannya. Luka seperti di dalam senarai No 4, 14 dan 18 menyumbang kepada pendarahan yang banyak. Luka No 4 adalah satu luka tikaman di sebelah kiri leher berukuran 1.2 x 0.4cm dan sedalam 3cm. Luka ini adalah pada salur darah yang membawa darah dari bahagian kepala kembali semula kepada paru-paru dan jantung.

[22] Untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas, berikut ialah luka No 4, 14 dan 18 seperti yang dilaporkan di dalam laporan bedah siasat:

No 4	A stab wound on the left side of the neck, distal to wound no 3 seen 2 cm left of the midline and 4.4 cm above the clavicle. This wound measured 1.2 x 0.4 cm with a depth of 3 cm and was directed from front to back, horizontally and slightly right to left, incising the left jugular vein.
No 14	An incised wound 11 x 5 cm of the left upper arm, cutting the humerus. A superficial incised wound 4 x 0.2 cm was noted distal to it.
No 18	An incised wound across the 4th and 5th fingers of the left hand, cutting the bones and almost severing the fingers. An incised wound 6 x 2 cm on the back of the left hand, cutting some sesamoid bones of the hand. An incised wound 2 x 0.5 cm at the base of the left index finger. A superficial incised wound 5 x 0.2 cm across the left wrist.

[23] Pada pendapat SP12, sebab kematian si mati ialah 'multiple incised and stab wounds'.

[24] Sebanyak 23 keping gambar bedah siasat (eksh P8A-W) yang diambil oleh jurufoto polis (SP3) telah dikemukakan. Sesiapa sahaja yang berfikiran waras dan siuman, yang melihat gambar-gambar tersebut akan mengetahui betapa kejam dan zalimnya perbuatan orang yang mencederakan si mati.

[25] Keterangan pendakwaan menunjukkan bahawa dari Yong Peng, tertuduh telah pergi ke Johor Bahru. Pada jam lebih kurang 4–5 petang, tertuduh telah menukar wang Taiwan sebanyak 9,200 kepada Ringgit Malaysia di kedai pengurup wang di New York Hotel, Johor Bahru. Pengurup wang tersebut, SP6, telah mengecam tertuduh dan mengesahkan bahawa tertuduh adalah orang yang menukar wang Taiwan kepada Ringgit Malaysia di kedainya.

[26] Pada jam lebih kurang 4.40 petang hari yang sama, tertuduh telah menempah bilik di Hotel Puteri Pan Pacific, Johor Bahru dan membayar deposit sebanyak RM600. Mengikut pengurus hotel (SP7) yang bertugas pada hari tersebut, tertuduh telah diberikan bilik No 730.

[27] Pada 21 Oktober 2004 jam lebih kurang 11.30 pagi, satu pasukan polis dengan diketuai oleh Cif Inspektor Goh Bon Lam (SP15) telah menjalankan satu serbuan ke bilik tersebut dan menahan tertuduh. Antara barang-barang yang dijumpai daripada tertuduh ialah tiga telefon bimbit termasuk dua telefon bimbit kepunyaan anak si mati (SP25) dan wang tunai berjumlah RM610 yang dijumpai di dalam dompet yang diserahkan oleh tertuduh kepada SP15.

[28] Selepas ditangkap di hotel tersebut, tertuduh telah dibawa ke kedai pengurup wang di mana Inspektor Faisal (SP16) telah mendapatkan balik wang Taiwan berjumlah 9,200 dari pengurup wang.

[29] Pegawai penyiasat di dalam kes ini ialah SP28. Beliau telah pergi ke rumah si mati pada hari kejadian jam lebih kurang 11 pagi. Beliau mendapati banyak titisan darah di ruang tetamu, di dapur, di stor dan di bilik anak si mati (SP25). SP28 telah menjumpai tujuh bilah pisau, iaitu P45A, P47A, P48A, P49A, P50A dan P86C (tanpa hulu) dan satu hulu pisau (P86E). Satu lagi pisau, P18 dijumpai oleh SP21, di rumah tertuduh. Daripada tujuh pisau tersebut, lima daripadanya, iaitu, P47A, P48A, P49A, P50A dan P86E telah disahkan oleh ahli kimia (SP11) terdapat kesan darah si mati. P47A dan P48A ialah pisau pemotong daging. P48A dijumpai di atas kabinet dapur. P47A dijumpai di atas meja di ruang tetamu. P49A ialah sebilah pisau yang telah bengkok. Ia dijumpai di lantai sudut kanan dapur. P50A ialah sebilah pisau yang dijumpai di atas kabinet dapur. P86C ialah pisau tanpa hulu. Ia dijumpai di atas katil di rumah tertuduh. Hulu pisau (P86E) ditemui di rumah tertuduh.

Ia juga telah disahkan terdapat kesan darah si mati. P45A ada kesan darah SP25. Ia dijumpai di bilik SP25. Tidak ada kesan darah pada P18.

[30] SP28 telah meletakkan tanda-tanda di tempat di mana ia menemui mayat si mati, pisau-pisau tersebut, sepotong jari dan lain-lain barang kes. Tanda-tanda tersebut boleh dilihat dari gambar-gambar yang diambil oleh SP2 (P7A-W). Gambar-gambar seperti P9A-R dan P10A-Z diambil oleh SP4.

[31] SP28 juga hadir semasa bedah siasat yang dijalankan oleh SP12. Ia juga telah menerima beberapa sampel darah si mati, anak si mati, tertuduh dan mengambil pakaian-pakaian si mati yang ada kesan darah dari Hospital Melaka. Kesemua barang-barang kes yang diambil oleh SP28 kemudiannya telah dihantar oleh beliau ke Jabatan Kimia, PJ untuk dianalisa.

[32] Pada 20 Oktober 2004 SP28 telah pergi semula ke kondominium tertuduh dan mengambil dengan menggunakan putik kapas kesan darah yang ditemui pada pintu gril rumah tertuduh, pada lantai di pintu hadapan/pintu masuk rumah tertuduh, pada lantai ruang tamu dan pada lantai bilik mandi. Ia juga mengambil pisau tanpa hulu yang mempunyai kesan darah, satu helai baju kemeja yang ada kesan darah, sehelai tuala mandi yang ada kesan darah, sehelai seluar jean yang ada kesan darah dari rumah tertuduh.

[33] Keputusan analisa profil DNA ke atas barang-barang kes termasuk yang ada profil DNA spesimen darah si mati, tertuduh dan SP25 juga boleh dilihat di dalam laporan kimia (eksh P112) yang dibuat oleh ahli kimia (SP11).

KEPUTUSAN DI AKHIR KES PENDAKWAAN

[34] Setelah mendengar keterangan saksi-saksi pendakwaan dan membuat penilaian maksimum ke atas keterangan tersebut dan setelah menimbangkan hujah kedua-dua pihak di akhir kes pendakwaan, saya mendapati bahawa pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes prima facie terhadap tertuduh dan memerintahkannya untuk membela diri.

[35] Saya mendapati ada bukti yang jelas berdasarkan kepada (i) keterangan anak si mati (SP25); (ii) barang-barang kes iaitu pisau (eksh P45A, 47A, 48A, 49A, 50A) yang dijumpai di rumah si mati; (iii) pisau tanpa hulu (eksh P86C) dan hulu pisau (eksh P86E) yang dijumpai di rumah tertuduh; (iv) keterangan ahli kimia yang mengesahkan bahawa kesan-kesan darah pada pisau-pisau bertanda eksh P47A, 48A, 49A, 50A dan 86E adalah sepadan dengan darah si mati; (v) keterangan doktor (SP12) bahawa tertuduh adalah orang yang menyebabkan kematian si mati. Kecederaan-kecederaan pada badan si mati,

mengikut keterangan pakar yang menjalankan bedah siasat dan mengikut laporan bedah siasat adalah konsisten dengan kecederaan yang diakibatkan oleh senjata tajam.

[36] Walaupun tidak ada saksi yang melihat tertuduh menikam si mati dengan mana-mana pisau tersebut, kesan kumulatif daripada keterangan di dalam kes ini menunjukkan bahawa tidak ada orang lain atau pihak ketiga yang menyebabkan kematian si mati. Pada masa anak si mati, SP25, menemui ibunya terbaring di atas lantai di dapur, tertuduh masih ada di tempat itu dengan kedua-dua tangannya memegang pisau. Tertuduh tidak melarikan diri. Sebaliknya, ia mengarahkan SP25 mengikat tangan ibunya dan telah mengikat semula kedua-dua tangan si mati apabila SP25 tidak mengikat tangan ibunya dengan ketat. Saya mendapati tidak ada sebarang keterangan bahawa ada pihak ketiga yang terlibat dalam kes pembunuhan ini.

[37] Saya telah memerhatikan SP25 memberi keterangan dengan teliti dan menyedari bahawa pada tarikh kejadian, ia baru berumur 16 tahun dan seorang saksi yang berkepentingan, tetapi saya mendapati SP25 telah memberi keterangan dalam keadaan tenang, tanpa menunjukkan sebarang emosi atau kecenderungan bahawa ia memberi keterangan dengan niat untuk membalas dendam terhadap kematian ibunya. Saya mendapati ia telah memberi keterangan dengan jujur. Sebagai contoh, ia tidak menafikan cadangan peguambela bahawa ia memberi keterangan kerana hendak melihat orang yang membunuh ibunya dihukum tetapi SP25 menjelaskan bahawa keterangannya adalah benar. Kebenaran keterangan SP25 ini disokong oleh keterangan-keterangan berikut:

(a) tiga bilah pisau, iaitu eksh P48A, P49A dan P50A yang dijumpai di dapur. Pada eksh P47A, P49A, P48A, P50A dan P86E ada profil DNA kesan darah si mati;

(b) sebilah pisau (eksh P45A) yang ditemui di atas katil SP25 yang terdapat profil DNA kesan darah SP25;

(c) sebatang penyapu yang ada profil DNA kesan darah SP25;

(d) paket angpau SP25 yang diambil oleh tertuduh. Pada paket angpau tersebut ada profil DNA kesan darah tertuduh;

(e) wang Taiwan 9,200 yang telah ditukar oleh tertuduh di kedai pengurup wang. Pada tiga keping wang kertas Taiwan, eksh P13B, C dan D (setiap keping bernilai 1,000) ada profil DNA kesan darah tertuduh;

(f) dua telefon bimbit SP25 (eksh P100A dan P107) yang diambil daripada tertuduh.

(g) bapa SP25 (SP5) yang menemui anaknya terbaring di katil dengan tangan dan kakinya diikat dengan tali kasut.

Saya tidak ada sebarang alasan untuk meragui kebenaran keterangan dan kredibiliti SP25.

[38] Keterangan mengenai identiti si mati adalah daripada suaminya sendiri dan daripada pegawai penyiasat. Manakala fakta kematian si mati telah disahkan oleh doktor pakar yang menjalankan bedah siasat.

[39] Mengenai niat tertuduh, ini boleh dan telah dibuktikan oleh pihak pendakwaan melalui luka-luka tikaman yang begitu banyak pada badan si mati. Profil DNA kesan-kesan darah si mati juga telah dijumpai pada pisau-pisau bertanda eksh P48A, P49A dan P50A yang dijumpai di dapur. Ini adalah bukti jelas bahawa pisau-pisau tersebut telah digunakan bagi menikam si mati semasa di dapur. Pisau bertanda eksh P86C dan hulu pisau (P86E) dijumpai di rumah tertuduh.

[40] Kecederaan-kecederaan pada badan si mati seperti yang disenaraikan di dalam laporan bedah siasat dan dijelaskan oleh doktor (SP12) yang menjalankan bedah siasat adalah konsisten dengan luka-luka yang disebabkan oleh senjata yang tajam. SP12 telah ditunjukkan pisau-pisau yang dijumpai di tempat kejadian. Mengikut pendapat SP12, luka-luka No 14 dan 18 mungkin boleh disebabkan oleh pisau pemotong daging (eksh P47A). Satu lagi pisau pemotong daging (eksh P48A) juga mungkin boleh menyebabkan luka No 14 dan No 18. Manakala pisau yang telah bengkok (eksh P49A) berkemungkinan menyebabkan kecederaan No 4 dan 18. Satu lagi pisau kecil iaitu eksh P50A tetapi lebih pendek daripada pisau (eksh P45A) berkemungkinan menyebabkan kecederaan No 4. SP12 juga telah ditunjukkan dengan gambar-gambar si mati. Mengikut SP12, kecederaan di kepala si mati seperti di dalam gambar P8 O, P dan Q boleh disebabkan oleh senjata yang tajam dan kematian si mati tidak disebabkan oleh penyakit lain. Mengikut SP12, luka tikaman No 4 boleh dengan sendirinya menyebabkan kematian.

[41] Pada masa anak si mati (SP25) menjumpai ibunya terbaring berlumuran darah di atas lantai di dapur, tertuduh masih lagi dilihat memegang pisau pada kedua-dua tangannya. Tetapi tertuduh masih belum puas. Ia telah mengikat ketat kedua-dua tangan si mati yang sudah tidak mampu untuk mempertahankan diri.

[42] Gambar-gambar bedah siasat yang diambil oleh SP3 menunjukkan betapa seriusnya pelbagai luka tikaman yang dialami oleh si mati. Ia menunjukkan bahawa orang yang melakukannya telah melakukan dengan begitu zalim dan tanpa perikemanusiaan.

[43] Mengenai kegagalan pendakwaan memanggil beberapa saksi yang dikatakan penting kepada pendakwaan, iaitu Hwang Pai Ling (makcik SP25),

Fam Pei Li (isteri tertuduh), Sarjan Mejar Aziz bin Adee dan Ketua Balai Polis Batang Tiga, saya berpendapat mereka ini bukanlah saksi-saksi penting pendakwaan dan mereka juga tidak ada di tempat berkenaan semasa kejadian. Saksi-saksi tersebut juga telah ditawarkan kepada pihak pembelaan pada akhir kes pendakwaan.

[44] Mengenai isu sama ada kandungan ketamine sebanyak 0.03 mikrogram per milimeter dan kandungan diazepam sebanyak 0.01 mikrogram per milimeter yang terdapat dalam darah tertuduh boleh mempengaruhi minda tertuduh semasa kejadian, keterangan ahli kimia, (SP29) adalah tidak konklusif. Ia mengaku bahawa ia tidak dapat menentukan kesan diazepam dan ketamine ke atas seseorang.

[45] Pada penghakiman saya, apa yang dilakukan oleh tertuduh adalah jelas mencerminkan bahawa tertuduh mempunyai niat atau mens rea untuk menyebabkan kecederaan kepada tubuh badan si mati yang ia mengetahui berkemungkinan menyebabkan kematian si mati atau menyebabkan kecederaan pada tubuh badan si mati yang mana kecederaan tersebut adalah mencukupi, pada lazimnya, bagi menyebabkan kematian si mati.

PEMBELAAN TERTUDUH

[46] Tertuduh telah memberi keterangan bersumpah. Mengikutnya ia pergi ke rumah si mati dengan membawa baldi untuk mengambil air kerana bekalan air di rumahnya adalah terlalu sedikit dan perlahan.

[47] Si mati telah membenarkannya masuk untuk mengambil air di dapur. Tetapi oleh kerana bekalan air di rumah si mati juga adalah perlahan, tertuduh telah pergi menunggu di ruang tetamu sambil melihat gambar-gambar di dalam album yang terletak di atas meja di ruang tetamu.

[48] Mengikut tertuduh, pada masa itu ia tidak tahu si mati berada di mana. Ia mengagak si mati pergi ke tingkat atas. Semasa si mati turun ke tingkat bawah, ia kelihatan menjerit, menuduhnya mencuri sesuatu dan mengarahkan keluar dari rumah tersebut. Tertuduh menjawab bahawa ia tidak mencuri barang-barangnya dan cuba menenangkan si mati. Tetapi si mati telah mengayunkan sebilah pisau ke arahnya dan mencederakan tangan kanannya. Tertuduh kemudian telah merampas pisau tersebut daripada si mati.

[49] Si mati kemudian pergi ke dapur dan tertuduh mengikutnya ke dapur. Di dapur si mati telah mengambil satu pisau lain, mengayunkan pisau tersebut ke arah muka tertuduh dan mengarahkannya keluar. Pisau itu lebih besar daripada pisau yang mula-mula digunakan oleh si mati. Tertuduh menjadi panik. Dalam keadaan panik, ia telah bergelut dengan si mati yang nampaknya

terlalu marah. Tertuduh sempat mengambil sebilah pisau yang terletak di atas meja di dapur untuk mempertahankan dirinya dan cuba merampas pisau daripada si mati. Mengikut tertuduh, kejadian itu berlaku begitu pantas, ia dalam keadaan panik dan ketakutan dan tidak dapat melarikan diri.

[50] Mengikut tertuduh, di dalam pergelutan itu si mati mengalami luka dan jatuh ke lantai. Ia kemudian mengambil pisau dari tangan si mati dan meletakkannya di atas meja dapur.

[51] Pada masa itulah dengan tiba-tiba tertuduh mendakwa ia telah dipukul oleh seseorang dari belakang dengan sebatang kayu. Tertuduh bertindak balas dengan menghayunkan pisau di tangannya dua tiga kali ke arah orang itu. Orang itu cedera tetapi ia tidak tahu di bahagian mana. Mengikutnya ia hanya mengetahui bahawa orang itu adalah seorang *perempuan* apabila diberitahu oleh polis.

[52] Tertuduh mengakui bahawa ia ada mengikat tangan si mati dengan baju yang diambilnya dari dapur. Pada masa itu si mati sudah lemah tetapi tangan dan kakinya masih bergerak. Tujuannya ia mengikat tangan si mati ialah supaya si mati tidak lagi boleh bangun dan melawan.

[53] Selepas itu tertuduh meletakkan pisau yang dipegangnya di ruang tetamu, mengambil dua telefon bimbit dari atas meja di ruang tetamu dan keluar dari rumah si mati. Tujuan beliau mengambil telefon bimbit tersebut ialah supaya si mati tidak boleh menghubungi polis.

[54] Sebelum keluar dari rumah tersebut tertuduh telah mengunci gril rumah si mati dengan kunci yang diambilnya dari atas meja di ruang tetamu. Ia tahu kunci itu kerana ia melihat si mati menggunakannya semasa ia hendak masuk ke rumah si mati. Ia balik ke rumahnya *tanpa* membawa balik baldi air. Tujuan tertuduh mengunci gril tersebut ialah supaya si mati tidak boleh *lari* keluar.

[55] Tertuduh menafikan bahawa ia ada naik ke tingkat atas. Selain daripada dua telefon bimbit ia tidak ada mengambil apa-apa barang lain dari rumah si mati.

[56] Dari rumahnya, tertuduh telah pergi ke rumah isterinya dan mengambil kereta Kelisa untuk pergi ke Johor. Mengikutnya, ia semata-mata hendak keluar dari tempat tersebut kerana ketakutan. Di dalam perjalanan ia telah berhenti di klinik di Yong Peng untuk mendapatkan rawatan kerana kecederaan di tangannya dan darah masih mengalir dengan banyaknya. Dari Yong Peng tertuduh tinggal di hotel di Johor Bahru. Di hotel, ia memeriksa telefon bimbit yang ada di dalam 'pouch' di mana ia menjumpai beberapa not

wang Taiwan dan kemudian ia telah pergi ke kedai pengurup wang bagi menukarkan wang Taiwan kepada Ringgit Malaysia.

[57] Semasa di hotel, tertuduh telah mendapat panggilan daripada isterinya memberitahunya bahawa ia telah melahirkan seorang bayi perempuan. Apabila ditanya oleh isterinya kenapa ia tidak datang melihatnya, tertuduh menjawab bahawa ia ada masalah dan sedang berada di Kuala Lumpur. Selepas bercakap dengan isterinya, tertuduh telah keluar dari hotel dan membeli *drugs* iaitu *Ecstasy* dan *Eramine* dan minuman keras. Tujuannya membeli *drugs* ialah untuk membunuh diri kerana ia tidak pernah menjangkakan kejadian yang dilaluinya dan ia tidak mahu sesiapa mati.

HUJAH PIHAK-PIHAK

[58] Peguambela menghujahkan bahawa tertuduh tidak mempunyai sebarang niat atau mens rea untuk menyebabkan kematian si mati. Kes pendakwaan adalah bergantung kepada keterangan 'circumstantial' dan tidak ada seorang saksipun yang melihat tertuduh menikam si mati. Beban bukti adalah terletak pada pendakwaan untuk membuktikan kesnya melampaui keraguan yang munasabah. Apa yang dilakukan oleh tertuduh adalah untuk mempertahankan dirinya berikutan daripada provokasi yang dilakukan oleh si mati. Lihat *Ya bin Daud v Public Prosecutor* [1997] 4 MLJ 322; *Public Prosecutor v Dato' Balwant Singh (No 2)* [2003] 3 MLJ 395; *Public Prosecutor v Ngoi Ming Sean* [1982] 1 MLJ 24. Kejadian berlaku begitu pantas, tertuduh dalam keadaan bahaya dan panik dan tidak boleh melarikan diri. Beban bukti untuk membangkitkan pembelaan 'self-defence' hanyalah di atas imbangan kebarangkalian: *Public Prosecutor v Lee Poh Chye & Anor* [1997] 4 MLJ 578.

[59] Juga ada kemungkinan bahawa orang lain atau pihak ketiga mempunyai akses ke rumah si mati. Pendakwaan juga gagal membuktikan motif perbuatan tertuduh.

[60] Sebagai alternatif, peguambela menghujahkan bahawa keterangan yang ada hanyalah menunjukkan kesalahan menyebabkan kematian tanpa niat di bawah s 304 KK.

[61] Pihak pendakwa antara lain, berhujah bahawa beban pembuktian 'self-defence' atau provokasi adalah terletak pada pembelaan (*Ikau Anak Mail v Public Prosecutor* [1973] 2 MLJ 153. Di dalam kes *Wong Teck Choy v Public Prosecutor* [2005] 4 MLJ 693 Mahkamah Rayuan pada ms 697 menjelaskan beban ke atas pembelaan adalah seperti berikut:

A It follows that where private defence is put forward in answer to a criminal charge, there is a duty upon the prosecution to show beyond reasonable doubt that the accused did not act in self-defence. Consequently, if an accused raises a reasonable doubt about the existence of the right of private defence he is entitled to be acquitted of the charge: *Zecebiv v Director of Public Prosecutions* (1987) 162 CLR 645. One of
B the cardinal principles of governing the right of private defence is that the exercise of that defence should not exceed what is reasonably necessary to avert the assailant's attack: see *Lee Thian Beng v Public Prosecutor* [1972] 1 MLJ 248 per Ong Hock Sim FCJ.

C

[62] Sama ada perbuatan tertuduh mencederakan si mati sehingga membawa kepada kematiannya adalah merupakan tindakan membela diri atau disebabkan oleh provokasi si mati adalah bergantung kepada fakta kes. Mengikut pendakwaan apa yang dilakukan oleh tertuduh adalah melampaui
D atau melebihi hak mempertahankan diri yang dibenarkan oleh undang-undang. Ia dilakukan tanpa provokasi.

KEPUTUSAN

E **[63]** Pada akhir keseluruhan kes, saya telah sekali lagi membuat penilaian maksimum ke atas keterangan kes kedua-dua pihak untuk melihat sama ada pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya terhadap tertuduh melepasi keraguan yang munasabah. Beban bukti ke atas tertuduh bagi menyangkal
F pertuduhan ke atasnya hanyalah untuk menimbulkan keraguan yang munasabah: lihat *Mohamad Radzi bin Yaakob v Public Prosecutor* [1991] 3 MLJ 169.

[64] Pada penghakiman saya pendakwaan telah berjaya membuktikan
G kesnya melepasi keraguan yang munasabah manakala tertuduh tidak menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan. Apa yang dilakukan oleh tertuduh terhadap si mati adalah dilakukannya dengan niat untuk menyebabkan kecederaan kepada tubuh badan si mati yang ia mengetahui berkemungkinan menyebabkan kematian si mati atau
H menyebabkan kecederaan pada tubuh si mati yang mana kecederaan tersebut adalah, pada lazimnya, bagi menyebabkan kematian si mati. Hujah alternatif peguambela bahawa tertuduh tidak mempunyai niat dan perbuatannya hanyalah satu kesalahan di bawah s 304 KK adalah tidak bermerit. Daripada fakta kes ini, saya mendapati perbuatan tertuduh tidak mencerminkan
I tindakan seorang yang bertindak mempertahankan diri. Walau apa pun perbuatannya jelas telah melampaui hak mempertahankan diri yang dibenarkan oleh undang-undang: *Lee Thian Beng v Public Prosecutor* [1972] 1 MLJ 248; *Wong Teck Choy v Public Prosecutor* [2005] 4 MLJ 693. Ong Hock Sim FCJ di dalam kes *Lee Thian Beng v Public Prosecutor*, pada ms 252

menjelaskan '... it is clearly the law with regard to the use of force in self defence, that there must be no alternative to its recourse'. A

[65] Keadaan-keadaan di mana tertuduh boleh membangkitkan pembelaan provokasi yang berbahaya dan tiba-tiba di bawah Pengecualian 1, s 300 KK telah dijelaskan di dalam kes *Che Omar bin Mohd Akhir v Public Prosecutor* [2007] 4 MLJ 309 dan *Bala Anak Matik v Public Prosecutor* [2006] 3 MLJ 516. Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Che Omar bin Mohd Akhir v Public Prosecutor* menerangkan seperti berikut: B

> In order to bring a defence of grave and sudden provocation within Exception 1 to s 300 of the Penal Code, the following facts need to be established: (i) the offender must have done the act whilst deprived of the power of self-control; (ii) he must have been so deprived by reason of the provocation; (iii) the provocation must have been grave and sudden: (iv) the provocation must not have been sought by the offender as an excuse for doing the act; (vi) the provocation must not have been given by anything done: either (a) in obedience to the law; or (b) by a public servant in the lawful exercise of his powers as such; or (c) in the lawful exercise of the right of private defence. C D

[66] Saya mendapati keadaan-keadaan di atas tidak ada di dalam kes di sini. Cerita tertuduh bahawa si mati dengan tiba-tiba turun dari tingkat atas sambil menjerit menuduh tertuduh mengambil barangnya, mengarahkannya keluar rumah dan mengayunkan pisau ke arah tertuduh adalah rekaan semata-mata. Adalah tidak munasabah si mati bertindak sedemikian sedangkan tertuduh masuk ke rumah itu dengan kebenarannya. Jika sekalipun diandaikan cerita tertuduh itu berkemungkinan betul, provokasi tersebut telah berakhir apabila tertuduh berjaya merampas pisau dari tangan si mati. E F

[67] Apa yang berlaku di dapur selepas itu tidak boleh dikatakan akibat daripada provokasi si mati. Bukan si mati yang mendorong tertuduh ke dapur. Tertuduh sendiri yang mengikut si mati ke dapur sedangkan pada masa itu ia tidak berhadapan dengan sebarang ancaman daripada si mati dan bebas untuk keluar dari rumah itu dan meninggalkan si mati berseorangan. Ia mengetahui di mana si mati meletakkan kunci rumahnya selepas si mati membenarkan tertuduh masuk ke rumahnya. Ia tidak boleh menggunakan alasan pergi ke dapur untuk mengambil baldi air. Ini kerana apabila ia akhirnya meninggalkan rumah si mati, setelah mengikat si mati dan anak si mati, mengambil wang dan telefon bimbit anak si mati, ia tidak langsung mengambil balik baldi tersebut. Apa yang dijumpai di bilik utama di rumahnya ialah pisau (eksh P86C) dan hulu pisau (eksh P86E) yang mempunyai kesan darah si mati. G H I

[68] Tertuduh sebenarnya tidak perlu mengikut si mati ke dapur untuk mempertahankan dirinya setelah ia berjaya merampas pisau dari tangan si mati. Ia tidak dalam bahaya dan keselamatan dirinya tidak terancam. Apa yang

berlaku di dapur adalah amat tragik. Anak si mati (SP25) mendapati ibunya terbaring di lantai berlumuran darah. Pada masa itu tertuduh masih lagi berdiri dekat ibunya dengan memegang pisau pada kedua-dua belah tangannya. Doktor yang menjalankan bedah siasat mendapati ada 18 kesan luka pada badan si mati dan mengesahkan bahawa si mati mati kerana kehilangan darah yang banyak. Ia juga mengesahkan bahawa luka-luka pada si mati adalah konsisten dengan tindakan seorang yang mempertahankan diri.

[69] Mengenai hujah peguambela bahawa kes pihak pendakwaan adalah berdasarkan kepada keterangan *circumstantial* dan tidak ada orang yang melihat tertuduh menikam si mati, saya berpuashati dan tidak mempunyai sebarang keraguan bahawa berdasarkan kepada keterangan pendakwaan di dalam kes ini, termasuk keterangan anak si mati (SP25), doktor bedah siasat (SP12), ahli kimia (SP11), pegawai penyiasat (SP28), dan ekshibit-ekshibit yang dikemukakan seperti pisau-pisau (eksh P47A, P48A, P49A, P50A dan P86C), tidak ada orang lain yang telah menyebabkan kecederaan-kecederaan kepada si mati sehingga membawa kepada kematiannya, selain daripada tertuduh. Tertuduh sendiri tidak menafikan ia pergi ke rumah si mati, mengikut si mati ke dapur, bergelut dengannya dengan menggunakan beberapa bilah pisau dan akhirnya mengunci pintu gril rumah si mati sebelum ia balik ke rumahnya. Identiti tertuduh tidak pernah dipertikaikan oleh pembelaan. Tidak ada keterangan bahawa kematian si mati disebabkan oleh mana-mana pihak lain.

[70] Saya tidak perlu menyatakan dengan *detail* undang-undang mengenai keterangan *circumstantial*. Adalah mencukupi untuk saya merujuk kepada kes *Idris v Public Prosecutor* [1960] MLJ 296 di mana Hill Ag CJ telah merujuk kepada penghakiman Lord Cairn di dalam kes *Belhaven & Stenton Peerage* (1875–1976) App Cas 278 pada ms 279 seperti berikut:

> My Lords, in dealing with circumstantial evidence we have to consider the weight which is to be given to the united force of all the circumstances put together. You may have a ray of light so feeble that by itself it will do little to elucidate a dark corner. But on the other hand you may have a number of rays, each of them insufficient but all converging and brought to bear upon the same point and when united, producing a body of illumination which will clear away the darkness which you are endeavouring to dispel.
>
> In other words circumstantial evidence consists of this: that when you look at all the surrounding circumstances, you find such a series of undersigned, unexpected coincidences that, as a reasonable person, you find your judgment is compelled to one conclusion. If the circumstantial evidence is such as to fall short of that standard, if it does not satisfy that test if it leaves gaps then it is of no use at all. As I have stated this case depends entirely upon circumstantial evidence.

Kes tersebut juga dirujuk oleh Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Public Prosecutor v Hanif Basree bin Abdul Rahman* [2008] 3 MLJ 161; [2008] 4 CLJ 1. Di dalam kes *Dato' Mokhtar bin Hashim & Anor v Public Prosecutor* [1983] 2 MLJ 232 di ms 244; [1983] 2 CLJ 101 (Rep) di ms 113 Eusoffe Abdoolcader FCJ menyatakan:

> Where circumstantial evidence is the basis of the prosecution case the evidence proved must irresistibly point to one and only one conclusion, the quilt of the accused, but in a case tried without a jury the failure by the court to expressly state this is not fatal and it would suffice if it merely says that it is satisfied as to the guilt of the accused beyond reasonable doubt (*Jayaraman & Ors v Public Prosecutor* [1982] 2 MLJ 306; [1982] CLJ (Rep) 130).

Di dalam kes ini keterangan menunjukkan tertuduh dan hanya tertuduh sahaja yang menyebabkan kematian si mati.

[71] Motif bukanlah merupakan satu intipati kesalahan membunuh: lihat *Dato' Mokhtar bin Hashim & Anor v Public Prosecutor* [1983] 2 MLJ 232; [1983] 2 CLJ 101; *Public Prosecutor v Hanif Basree bin Abdul Rahman* [2004] 3 CLJ 700.

[72] Saya mendapati keterangan tertuduh tidak langsung menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan. Cerita tertuduh bahawa ia melihat gambar-gambar di dalam album di ruang tetamu adalah rekaan sahaja. SP25 mengesahkan tidak ada album di ruang tetamu.

[73] Cerita tertuduh bahawa ia tidak mengambil lain-lain barang dari rumah si mati selain daripada telefon bimbit adalah tidak benar sama sekali dengan penemuan pisau (eksh P86C), hulu pisau (eksh P86E) di rumahnya dan wang kertas Taiwan yang diambil oleh tertuduh dan diambil balik oleh polis dari pengurup wang (SP6).

[74] Adakah tertuduh takut apabila melihat si mati kononnya turun dari tingkat atas sambil menjerit dan mengayun pisau ke arahnya? Fakta kes ini menunjukkan sebaliknya. Ia tidak panik, sebaliknya ia cuba menenangkan si mati dan sebagai seorang bekas tentera Singapura, ia dengan mudah dapat merampas pisau dari tangan si mati.

[75] Adakah ia berhadapan dengan keadaan terdesak dan darurat apabila ia mengikut si mati yang tidak bersenjata ke dapur dan kemudian melihat si mati mengambil pisau di dapur dan cuba mencederakannya? Fakta kes ini menunjukkan sebaliknya. Pertama, tertuduh tidak perlu langsung mengikuti si mati ke dapur. Ia tidak lagi berhadapan dengan sebarang ancaman dan mempunyai masa untuk keluar dari rumah si mati. Kedua, kecederaan serius akibat 18 tikaman pada badan si mati menunjukkan bahawa tertuduh adalah

seorang yang agresif. Tindakannya tidak menggambarkan perbuatan seorang yang panik dan dalam ketakutan. Mengikut SP25 ia masih lagi memegang pisau pada kedua belah tangannya di hadapan si mati yang sudah terbaring di lantai. Ia tidak terus lari meninggalkan rumah si mati apabila melihat SP25 tetapi mempunyai masa untuk mengikat kedua-dua tangan si mati, naik ke tingkat atas, memaksa SP25 menyerahkan wang dan telefon bimbitnya, menikam SP25, memotong jari SP25 dan mengikat kedua-dua tangannya walaupun ia sudah terbaring di atas katil.

[76] Cerita tertuduh bahawa ia pergi ke klinik di Yong Peng untuk mendapatkan rawatan kerana kecederaan di tangan kanannya dan darah masih mengalir dengan banyak adalah tidak munasabah dan tidak logik. Pengawal keselamatan (SP26) melihat tertuduh meninggalkan kondomoniumnya pada jam 9 pagi. Mengikut doktor di klinik tersebut (SP13) tertuduh tiba di klinik pada jam 11.45 pagi. Mengikut tertuduh, dari kondomoniumnya, ia pergi ke rumah isterinya dahulu. Mengikut tuan punya kereta Kelisa No MAV 2819 (SP27) tertuduh meminjam keretanya untuk menghantar isteri ke Singapura untuk bersalin. Jika benar tertuduh mengalami kecederaan serius di tangannya dengan darah masih mengalir dengan banyaknya, sudah tentu ia telah mendapatkan rawatan lebih awal lagi sebelum bertolak ke Johor Bahru dan singah di klinik di Yong Peng.

[77] Saya mendapati tertuduh seorang yang tidak bercakap benar dan mempunyai tendensi berbohong untuk kepentingan dirinya. Sebagai contoh, ia memberitahu isterinya melalui telefon ia berada di Kuala Lumpur sedangkan ia di Johor Bahru. Ia memberitahu doktor di klinik Yong Peng (SP13) ia mengalami luka kerana ada rompakan di Pagoh sedangkan mengikut keterangannya ia mendapat luka tersebut di rumah si mati sebelum ia berjaya merampas pisau dari tangan si mati.

[78] Bagi mengelakkan salah anggapan, saya perlu menjelaskan bahawa saya merujuk kepada keterangan SP25 mengenai barang-barang yang diambil daripada SP25 dan apa yang dilakukan oleh tertuduh terhadapnya di tingkat atas bukan sebagai keterangan di dalam pertuduhan terhadap tertuduh, tetapi untuk menguji kredibiliti SP25 dan sama ada keterangannya dari mula ia turun dari bilik atas dan menemui tertuduh di dapur dengan ibunya terbaring di lantai boleh dipercayai atau tidak. Keterangan SP25 mengenai apa yang berlaku di antaranya dengan tertuduh di tingkat atas tidak ada kaitan dengan pertuduhan terhadap tertuduh dan tidak mempengaruhi keputusan saya di dalam kes ini.

[79] Atas alasan-alasan tersebut di atas, mahkamah mendapati tertuduh tidak ada menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan. Oleh itu tertuduh adalah dengan ini didapati bersalah di bawah

s 302 KK dan disabitkan dengan kesalahan tersebut dan dikenakan hukuman mati. Selaras dengan kehendak s 277 Kanun Prosedur Jenayah, mahkamah dengan ini memerintahkan tertuduh dihukum gantung sehingga mati.

Tertuduh disabitkan dan dikenakan hukuman gantung sehingga mati.

Reported by Dilaporkan oleh Ashgar Ali Ali Mohamed